

# Kajian Empirikal Konfucianism: Amalan dan Aplikasi Masyarakat Cina di Malaysia

*Yaacob Yusoff*  
*Mohd Kamal Azman Jusoh*  
*Che Zaharah Abdullah*

## ABSTRAK

*Kedatangan masyarakat Cina ke Malaysia mengikut sejarah, adalah bersama pegangan agama dan kefahaman cara hidup mereka termasuk ajaran Konfucius. Beberapa nilai utama ajaran ini adalah relevan dengan ajaran-ajaran agama lain juga termasuk Islam. Persoalan yang berkaitan kini ialah aspek amalan dan aplikasi nilai-nilai ajaran ini dalam masyarakat Cina sekarang khususnya di Malaysia. Satu kajian empirikal terhadap masyarakat Malaysia dengan menggunakan 'sampling' di Lembah Kelang dan juga di Kuching, Sarawak telah dijalankan. Kertas ini juga menjawab beberapa persoalan dalam konteks negara dan masyarakat Malaysia mengenai penghayatan nilai-nilai murni yang transendental (keagamaan), sesuai dengan falsafah atau Rukun Negara Malaysia iaitu 'Kepercayaan Kepada Tuhan'.*

**Kata Kunci:** *Amalan, Masyarakat Cina, Konfucianism.*

## Pendahuluan

Fahaman Kung Fu Tse (Konfucianism) sering dikaitkan dengan tokohnya yang digelar Kung Fu Tse. Beliau yang bernama Chiu, lebih terkenal dengan gelaran Chung Ni. Walau bagaimanapun, dia lebih kerap disebut dengan merujuk kepada nama keluarganya, Khung. Nama perhormatannya disebut Khung Fu Tsu (Tse) bermaksud Tuan Khung. Konfucius adalah sebutan Latin.

Beliau dilahirkan pada 522. B.C, bermakna lebih kurang 1093 tahun sebelum Muhammad (S.A.W.). Tempat lahirnya di wilayah Lu. Sejak 495 B.C, beliau mengembara dari sebuah wilayah ke sebuah wilayah

mengadakan dialog dengan pihak-pihak istana terutamanya dengan anak-anak raja dalam usaha menanam ideanya. Tiga tahun terakhir hidupnya, beliau kembali ke Lu dan mati pada 479 B.C. Hidupnya dianggap gagal, tetapi ideanya kemudian disanjung dan dipegang hingga beliau dianggap sebagai “the uncrowned emperor” (raja yang tidak dimahkotakan).

## **Demografi Ajaran Konfucius**

Konfucianisma berdasarkan kepercayaan tentang kesempurnaan dan kebolehan manusia dalam menggunakan daya intelek sepenuhnya bersama ketaakulan (reasoning) yang tinggi sebagai sumber ilmu dan kebenaran. Manusia juga akan menjadi seorang yang beretika melalui proses pembelajaran. Dalam hal ini manusia tidak mempunyai batasan. Manusia dianggap boleh sampai ke peringkat mengalami kesatuan langit (heaven) dan manusia (*tian ren he yi*) (Fung Yu-Lan 1947: 10-28). Dengan itu, konfucianism dalam banyak aspek dicirikan oleh humanism, humanitarianism, intelektualism, juga rationalism.

Secara umumnya, Konfucius membawa pemikiran sosial sejagat (Collin 1978: 79). Beliau cuba merujuk kepada maharaja-maharaja agung zaman silam untuk diadaptasi ke dalam masyarakat birokratik feodal zamannya yang berpecah oleh peperangan yang berlarutan. Ini menjadikan beliau bukan sahaja pemikir baru, malah beliau menggelar dirinya sebagai penerus atau pelangsupng ajaran-ajaran silam. Di dalam masyarakat yang nyawa menjadi murah (oleh perang) dan keadilan tidak menentu, beliau menganjurkan perlaksanaan peraturan. Beliau telah mengajar keamanan dan sikap menghormati setiap individu.

Ini menunjukkan ajarannya berasas kepada etika hidup yang logik dan damai. Asas yang kuat untuk pegangan sedemikian ialah pendidikan. Beliau dilihat menganjurkan pendidikan universal. Beliau menekankan pihak-pihak pentadbir dan diplomatik mestilah memiliki ciri ini. Mereka yang memiliki pendidikan universal inilah, yang layak menjadi penjawat sektor-sektor berkenaan, bukannya secara status sosial. Pandangan ini amat radikal pada masa itu. Tambahan pula, tanggungjawab mewujudkan peluang pendidikan adalah tanggungjawab pemerintah.

Bahan-bahan akademik dan sejarah serta falsafah menyimpulkan bahawa konfucianism adalah sistem falsafah dan etika, yang meliputi idealism, kepercayaan, nilai-nilai mulia dan moral, yang membentuk bahagian yang signifikan dalam teras tamadun Cina (Cheng Gek Nai 1995: 16).

Dalam konfucianism, sesebuah keluarga akan berkembang kepada masyarakat. Dari masyarakat berkembang kepada negara dan dari negara akan berkembang kepada dunia (tianxia). Dengan itu, masyarakat bertunjang kepada transenden. Walau bagaimanapun, transenden dalam Konfucianism hanya memberi maksud hukum alam adalah tertinggi. Dengan itu, idealism etikanya adalah berbalik kepada hukum alam, bukan tuhan dalam konteks yang jelas sebagai satu entiti metafizik seperti dalam Islam.

## **Nilai-nilai Etika di Peringkat Aplikatif**

Dalam peringkat amalan etika, Konfucianism bertunjang kepada konsep Ren atau kasih. Karektor tulisan Cina bagi konsep Ren ini ialah 'dua' dan 'manusia'. Ia bermakna atau berimej kepada hubungan dua manusia. Ia adalah bersifat keaslian dari 'neuropsychic', menjelma menjadi kelakuan personaliti manusia dan dianggap pemberian dari 'Langit' (Tian/Heaven). Perasaan atau etika tersebut mestilah berunjuran kepada masyarakat manusia seluruhnya dengan membentuk hubungan antara manusia di pelbagai peringkat.

Dari konsep Ren atau kasih inilah melahirkan nilai-nilai baik (virtue) dan berkebakikan (benevolence) yang dianggap nilai tertinggi dalam etika ajaran Konfucius (Konfucianism). Nilai tertinggi inilah yang melahirkan nilai-nilai etika lain dalam lima hubungan iaitu hubungan raja dan menteri berkonsepkan kebajikan (*ren*) dan taat setia (*zhong*). Antara ayah dan anak berteraskan baik hati (*ci*) dan kasih kekeluargaan (*xiao*). Abang dan adik berdasarkan kejituan (*gentleness*), (*liang*) dan hormat (*fi*). Suami dan isteri berdasarkan benar (*yi*) dan setia (*ting*) dan hubungan antara sesama kawan berteraskan kebolehpercayaan (*xin*) (Lee Siow Mong 1995: 14).

Dalam usaha untuk melihat bagaimana aplikasi asas oleh Konfucius dalam tamadun Cina, rangkaian ajaran selanjutnya yang dibawa oleh Mencius pula dirujuk. Beliau adalah pengikut Konfucius yang hidup satu kurun kemudian. Beliau lahir pada 374 B.C. Nama asal beliau ialah Meng Kho, tetapi lebih dikenali dengan nama Meng Tsu (Mencius). Sebahagian besar hidupnya dihabiskan untuk menasihati raja dan pemerintah. Beliau berbeza sedikit dengan Konfucius di mana beliau menekankan idea demokratik kepada Konfucianism. Beliau mendakwa kuasa rakyat adalah penting kepada sesebuah kerajaan.

Pegangan ini membawa kepada falsafah bahawa perasaan kasih/simpati adalah asasi kepada tiap manusia. Ia adalah anugerah dari *Ren* atau langit (Heaven). Dari sini Mencius memperluaskan ajaran Konfucius dalam konteks nilai kepada apa yang boleh difahami sebagai prinsip moral (cardinal virtues). Ia dilahirkan atau diturunkan oleh konsep 'sense of love'/rasa kasih (*Ren*) yang berasal dari langit dalam bentuk Empat Permulaan. Iaitu rasa simpati (Commiseration), rasa malu (Shame), rasa hormat (Modesty) dan rasa benar/salah (Right/wrong).

*Ren* (nilai kasih) yang bersifat anugerah langit (Tian/Heaven) pula wujud di peringkat bentuk hubungan manusia melalui 'simpati' (commiseration). Dengan itu commiseration atau simpati membentuk tujuh nilai baru dalam hubungan manusia, sebagai hasil dari tafsiran Mencius di tahap aplikasi. Sifat-sifat itu adalah baik hati (Benevolence), benar (Righteousness), berkebakjikan (Propriety), kebijaksanaan (*Wisdom*), dipercayai (Truthworthiness), dedikasi (Dedication) dan khidmat (Altruism).

Dengan itu seluruh proses unjuran nilai dari setinggi-tingginya iaitu dari *Ren* (dalam konteks sense of love) hinggalah hubungan kawan dengan kawan iaitu kebolehpercayaan (truthworthy/xin), adalah satu skema atau 'pakej' yang sepadu. Inilah maksud kesepaduan manusia dan langit dalam pemikiran Cina. (Cheng Gek Nai 1995: 16) telah menghubungkan kedudukan kaitan-kaitan nilai ini yang menunjukkan aliran dan kaitan transenden daripada peringkat tertinggi tadi (*Tian/Heaven*) sehinggalah ke peringkat yang paling bawah. Beliau juga telah menguraikan ke semua enam-enam nilai (selain benevolence) sebagai prinsip-prinsip nilai (cardinal virtues) dalam konteks hubungan manusia dalam kehidupan.

Oleh kerana tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat kedudukan kefahaman dan aplikasi semasa nilai-nilai atau etika ajaran Konfucius ini, maka aspek-aspek yang dikongsi bersama oleh ajaran lain terutama Islam diberi perhatian. Mencius menegaskan;

*The basis of the world is the nation; the basis of nation is family; and the basis of the family is the individual himself.*

(Cheng Gek Nai 1995)

Daripada falsafah dalam petikan di atas dapatlah dirumuskan betapa benarnya kerelevanan ajaran pengaruhan dari Konfucius (Konfucianism) dalam konteks moden. Masyarakat manusia hingga kini masih mengsektorkan entiti-entiti komuniti kehidupan bertamadun

kepada diri, keluarga, masyarakat, dan negara. Rangkaian empat entiti itu adalah unjuran secara berkait. Mengenai negara, dalam *Analects (Lunyu) 2:3* terdapat penjelasan atau catitan berikut:

*Confucius said; Lead the people by law and regulate them by punishment, and they will avoid wrong doing but will have no sense of shame. Lead the people with virtue and regulate them by the rule of propriety, and they will have a sense of shame and, moreover will set themselves right.*

(Cheng Gek Nai 1995: 18)

Mengenai kehidupan dunia seluruhnya, Konfucius memperkenalkan prinsip 'kesatuan segajat' (datung)/(grand unity). Konfucius dilaporkan menyebut;

*The world and the able are promoted to office and man practiced good faith and live in affection. Therefore they do not regard as parents only their own parents, or as son only their own son. The aged find a fitting close to their lives, the robust their proper employment; the young are provided with an upbringing and the widow and widower, the orphaned and the sick, whil proper care. Men have their tasks and women their hearths. They have to see goods lying about in waste, yet they use them not for private ends. Therefore all evil plotting is prevented and thieves and rebels do not arise, so that people can leave their outer gates unbolted. This is the age of Grand Unity.*

(Cheng Gek Nai 1995: 18)

Dari huraian-huraian berbagai bahan mengenai empat perkara di atas, beberapa sifat adalah menjadi nilai seseorang yang dianggap beretika mengikut yang dianjurkan oleh Konfucianism di zaman moden ini dengan berdasarkan Jadual 1 di sebelah.

Dari keseluruhan pendedahan nilai-nilai dalam falsafah etika Konfucianism dapatlah dirumuskan betapa relevannya nilai-nilai itu kepada konteks semasa untuk Malaysia. Malah secara realistik, ia juga relevan kepada keperluan dunia hari ini.

Di tahap ini, nilai-nilai tersebut boleh dilihat sebagai ciri-ciri seseorang yang mengikut Konfucianism. Ia dapat dipadankan secara integral dengan Islam yang menjadi rujukan kepada nilai-nilai murni (dulunya nilai-nilai Islam). Antara yang boleh dirumuskan secara kontemporari ialah:

Jadual 1: Empat Etika Konfucianism di Zaman Moden

Etika diri:

Jati diri (*Gentlemen*) / (*Jungzi*)  
Keikhlasan (*Sincere*) / (*Cheng yi*)  
Berfikiran rektif (*Rectifying mind*) / (*Zheng xin*)  
Keluarga bersusila (*Regulating family*) / (*Gi jia*)  
Kepatuhan undang-undang negara (*Bring order to nation*) / (*Zhi guo*)  
Keamanan sejagat (*World peace*) / (*Ping tianxia*)  
Ketinggian moral (*High moral*) / (*De*)  
Kebijaksanaan (*Wisdom*) / (*Zhi*)

Etika kekeluargaan

Baik hati (*Kindness*) / (*Ci*)  
Kasih kekeluargaan (*Filial piety*) / (*Xiao*)  
Kejituan (*Gentleness*) / (*Liang*)  
Penghormatan (*Deference*) / (*Ti*)  
Sikap benar (*Righteousness*) / (*Yi*)  
Kepatuhan (*Obedience*) / (*Ting*)

Etika kenegaraan / Pemerintah

Kerajaan mesra (*Benevolence government*) / (*Renzheng*)  
Kerajaan beretika (*Ethical government*) / (*Dezheng*)

Etika segajat (Datung)

Demokrasi (*The democratic*)  
Kasih dan sayang (*Love and caring*)  
Boleh dipercayai (*Thuthworthiness*)  
Berkejiranan (*Social solidarity*)  
Baik hati (*Benevolence*)  
Adil dan saksama (*Fairness and justice*)  
Mesra (*Prudence*)  
Keselamatan (*Security*)  
Keamanan dan kesejahteraan (*Peace and harmony*)  
Kesejahteraan sosial (*Social order*)

Pertama, bersikap sederhana. Ini didasarkan kepada doktrin *the mean* (Zhongyong), yang dianggap sama dengan idea *'the golden mean'* dalam pemikiran Aristotle. Islam melihat *'pertengahan'* atau *'berpaksi'* (central) adalah cara terbaik, sebagaimana dalam Al-quran yang bermaksud "...makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan." (al-A'raf 7: 31)

Kedua, keselamatan dan keharmonian. Ini merujuk kepada *he* atau *ping*. Nilai ini tergambar dalam keseluruhan nilai-nilai yang dibincangkan sebelum ini yang bermula dari konsep Ren di peringkat anugerah Heaven dan empat prinsip asas serta nilai-nilai lain yang menyusul. Dalam Islam, imej dan mesej ini terakam dalam makna Islam itu sendiri yang bermaksud *'selamat'*. Kasih dan cinta adalah tema yang menyeluruh dibawa oleh Islam. Tuhan yang Maha Pengasih (al-Rahim) adalah tema pendahuluan ayat-ayat Al-Quran Islam. Kasih Allah membawa keselamatan dan keharmonian. Ia dapat dilihat dalam nikmat yang diberikan. Kasih bukan sekadar idea, malah menyusul menjadi perkasihan, sebagai manifestasi fizik dari metafizik. Kasih bukan untuk didengari tapi untuk dirasai.

Ketiga, galakan dan motivasi. Nilai ini menjadi nilai manusia ideal dalam Konfucianism. Analect (Lunyu 14: 5) menyebut: manusia yang baik hati (benevolence) adalah mereka yang mempunyai galakan' – terjemahan penulis). Sifat ini menjadi satu ciri dalam Islam di mana setiap Muslim mestilah menganjurkan kebaikan dan mendorong manusia melakukan kebaikan. Berlumba-lumba ke arah kebaikan adalah intisari ayat Al-Quran 2: 148, 3: 114, 5: 48, 9: 88, 21: 90, 23: 56, 23: 61, 35: 32, 55: 70 dan lain-lain.

Keempat, dedikasi dan bersungguh-sungguh. Nilai ini amat ditekankan dalam pembinaan diri. Ini dapat difahami dalam kata-kata Mencius sedemikian:

*When Heaven is about to confer a great responsibility on man, it will exercise his will with suffering, subject his sinews and bones to hard work, expose his body to hunger, put him to poverty, place obstacles in the paths of his deed, so as to stimulate his mind, harden his nature, and improve wherever he is incompetent.*

(Wing Tsit Chan 1963: 78)

Idea ini menunjukkan bagaimana manusia dipersiapkan dengan satu kebolehan untuk memungkinkan mereka bertindak dan berdedikasi dan

melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh. Itulah sifat manusia yang dicipta oleh Langit (*Tian*). Hakikat ini terdapat dengan jelas di dalam Al-Quran seperti mesej dari keseluruhan surah Al-Tin (95: 1-8).

Kelima, saling bekerjasama dan hormat menghormati. Ini adalah ciri yang amat penting dalam aspek perhubungan antara sesama manusia. Dalam Mencius (Mengzi 4B: 28), disebutkan bahawa:

*He who loves others is always loved by others and he who respects others is always respected by them.*

(Cheng Gek Nai 1995: 21)

Konsep '*taawun*' (bekerjasama) dan saling hormat menghormati (*ihitiram*) disebut dengan banyaknya di dalam Al-Quran dan Hadith. Malah mereka yang sebaliknya akan dianggap pemecah-belah masyarakat dan akan menerima hukuman berat. Tuntutan berjamaah atau berorganisasi adalah tuntutan wajib di dalam Islam. Contoh jelas di dalam Al-Quran adalah di dalam ayat (5:2).

Keenam, mengenali tugas dan peranan. Di dalam Konfucianism, aspek ini disebut sebagai "Zheng Ming" iaitu usaha meletakkan nama dengan tepat dan betul mengikut fungsi. Keserasian amat ditekankan oleh Konfucius hingga beliau menyebut:

*If name are not rectified, then language will not be in accord with truth. If language is not accord with truth, then thing cannot be accomplished, then ceremonies and music will not flourish. If ceremonies and music do not flourish, then punishment will not be just. If punishment are not just, then people will not know how to move hand or foot.*

(Wing Tsit Chan 1963: 40)

Dengan itu, Konfucius menekankan lagi bahawa 'the prince is prince, the minister is minister, the father is father, and the son is son.' (Cheng Gek Nai 1995: 21)

Hal ini ditekankan di dalam Islam melalui konsep "*al-Adalah*" iaitu konsep keadilan yang bermaksud meletakkan sesuatu sesuai dengan tempatnya. Firman Allah S.W.T yang bermaksud "...dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil" (al-Nisa' 4:58).

Ketujuh, sistem hierarki manusia. Mencius menyatakan 'between old and young, there should be proper order' (Cheng Gek Nai 1995: 22). Mesej yang jelas dari kenyataan ini ialah perhubungan yang baik yang mengambil kira hierarki dan susunan sistem sosial. Lima perhubungan



yang disebut sebelum ini menunjukkan sistem ini. Malah dalam falsafah China terdapat konsep susun lapis masyarakat mengikut profesion iaitu; golongan cerdik pandai, golongan petani, golongan tukang dan, golongan peniaga. (Hu Chang Tu 1960: 141). Ini bukan sistem kasta, tetapi lebih bersifat pembahagian pengkhususan mengikut merit sumbangan. Ia juga menampakkan kepentingan ilmu dalam falsafah China.

Dalam Islam, seseorang amat ditekankan untuk melakukan pekerjaannya. Kemuliaannya berdasarkan ketakwaan dan hasil kerja. Ayat Al-Quran seperti berikut cukup menjadi contoh, antaranya, 3:195, 6:135, 11:93, 39:39, dan lain-lain lagi. Rasulullah (S.A.W) pula menekankan penghormatan dengan panggilan yang menurut martabat dan kedudukan manusia, khususnya dalam keluarga.

Kelapan, kepentingan pendidikan. Walaupun pendidikan bukan nilai etika, ia adalah nilai instrumental bagi pembinaan masyarakat ideal. Peningkatan diri seseorang juga adalah melalui pendidikan, malah untuk mengaitkan diri seseorang dengan Ren. (Kasih tertinggi), juga memerlukan proses pendidikan. Pendidikan amat menjadi teras dalam pemikiran Konfucius.

Kepentingan aspek ini dalam Islam adalah amat ketara dengan bentuk ayat Al-Quran pertama serta berbagai saranan Islam tentang ilmu, aspek belajar, mengajar, kemuliaan ulama dan lain-lain.

## **Isu-isu yang Dianalisa Melalui Penyelidikan Empirikal**

Berdasarkan kedudukan di atas, beberapa persoalan di bawah menjadi isu untuk dikenal pasti.

1. Sejauh manakah pengenalan dan penghayatan semua orang Cina yang sepatutnya menjadi pewaris paling layak kepada Konfucianism ini di semua peringkat kelas sosial mereka, malah di antara benua atau tempat yang berbeza?
2. Apakah dan sejauh manakah Konfucianism masih menjadi idealism orang Cina atau mereka sudah berubah cita rasa?
3. Apakah realiti Konfucianism dalam masa depan kehidupan orang Cina?
4. Bagaimanakah tahap dan cara aplikasi nilai-nilai itu dibuat dalam kehidupan seharian mereka. Adakah Konfucianism dihayati sebagai budaya semata-mata atau juga agama?

Analisis kepada persoalan-persoalan di atas dibuat secara kajian empirikal melalui kaji selidik dan temubual. Dapatan yang telah terhasil adalah seperti berikut:

**Persoalan (1) Pengetahuan orang Cina yang sepatutnya menjadi pewaris paling layak kepada Konfucianism ini di semua peringkat kelas sosial.**

Seramai 392 orang responden dari kalangan orang Cina dengan 200 orang (51.0 %) beragama Buddha, 29 orang (7.4%) beragama Konfucius/Konfucianism dipegang sebagai agama, 121 orang (30.7%) beragama Kristian dan 29 orang (7.4%) bersikap tanpa agama' (free thinker). Pecahan jantina lelaki dan wanita adalah 165/227.

Dapatan awal ini menunjukkan masyarakat Cina di Malaysia tidak melihat atau berpegangan Konfucianism sebagai agama di mana hanya 7.4% sahaja yang berbuat demikian. Mereka lebih beragama lain terutamanya Buddha. Walau bagaimanapun komponen terbesar dari jumlah responden ini adalah pelajar (192/49.0 %). Sementara komponen responden dari Semenanjung/Sarawak dalam jumlah ini adalah 176/216.

Dari pengetahuan dan pengenalan mereka terhadap Konfucianism, kajian menunjukkan sejumlah 299 dari 392 orang yang memberi respons menyatakan mengetahui atau berpengetahuan mengenai Konfucius. Sumber pengetahuan mereka banyak dari pendidikan melalui persekolahan iaitu 66% atau 201 dari sejumlah 302 orang yang memberi jawapan. Sumber-sumber maklumat lain adalah dari cerita orang lain (41/13.6% dan majalah dan buku 47/15.6%). Ini menunjukkan sebahagian besar adalah melalui pelajaran formal yang menerangkan maklumat mengenai Konfucius.

Dari sudut saiz pengetahuan mengenai Konfucius, majoriti dari kalangan masyarakat Cina ini sama ada di Semenanjung atau Sarawak adalah pada tahap 'paling sedikit', dengan masing-masing 96/176 (54.5 %) di Semenanjung dan 106/216 (49.1%) di Sarawak. Jumlah yang menyatakan amat banyak / amat mendalam hanya 2/176 (1.1%) di Semenanjung dan 8/216 (3.7%) di Sarawak. Secara keseluruhan boleh dilihat dari peratusan berikut:

Jadual 2: Pengetahuan Tentang Konfucianism

Kadar / saiz pengetahuan	Jumlah	%
Amat banyak	10	2.6%
Banyak	25	6.4%
Beberapa	91	23.2
Sedikit	64	16.3%
Amat sedikit	202	51.5%
Jumlah	392	100%

Sumber: Kajian penulis (2005)

Jadual 2 di atas, menggambarkan betapa pengetahuan mereka terhadap Konfucius adalah amat membimbangkan jika dilihat dari perspektif kejatian diri kecinaan. Hal ini menampakkan betapa mereka turut berubah oleh modenisasi kebaratan yang tergambar dari jumlah mereka yang menganut agama Buddha dan Kristian. Masing-masing 200 (51.0%) dan 121 (30.9%) dari 329 orang. Hal ini berlaku seragam sama ada mereka berasal dari Cina atau lahir di Malaysia. Seramai 21/45 (46.7%) dari mereka berasal dari China tidak mempelajari mengenai ajaran Konfucius kini. Malah mereka yang lahir di Malaysia juga iaitu dengan kadar 208/392 (53.1%) mengakui mereka tidak lagi mempelajari ajaran-ajaran Konfucius.

### **Persoalan (2): Pengaruh Konfucianism dalam cara hidup orang-orang Cina dan sikap mereka terhadap ajaran dan status Konfucius**

Kajian melibatkan hubung kait pegangan dan pengetahuan mereka mengenai Konfucianism dengan cara hidup mereka. Data-data yang dikutip dari sejumlah 392 orang menunjukkan sikap dan pandangan mereka seperti fenomena berikut;

Jadual 3: Pengaruh Konfucianism dalam Kehidupan

Aspek Konfucianism	Amat bersetuju	Bersetuju	Tidak pasti	Tidak bersetuju	Amat tidak bersetuju
(1) Mempengaruhi cara hidup masyarakat Cina	53 13.55%	158 40.3%	130 33.2%	42 10.7%	9 2.3%
(2) Kerelevanan terhadap komuniti Cina	42 10.7%	147 37.5%	136 34.7%	55 14.0%	12 3.1%
(3) Mempercayai Konfucius sebagai Tuhan	19 4.8%	111 28.3%	211 53.8%	40 10.2%	11 2.8%
(4) Mempercayai Konfucius sebagai Nabi	20 5.1%	81 20.4%	132 33.7%	84 21.4%	75 19.1%

Sumber: Kajian penulis (2005)

Fenomena yang menarik dari data di atas adalah sikap persetujuan mereka terhadap dua persoalan pokok (persoalan 1 & 2) yang dikemukakan. Rasa kebanggaan dan kejatian diri melalui Konfucianism dapat dipertahankan melalui data ini, mereka tidaklah melihat Konfucius bertaraf 'Tuhan'. Seperti ternyata dari sikap mereka dalam persoalan ke (3) yang dikemukakan. Mereka realistik dalam hal ini dan tidak melihat Konfucius secara pasti sebagai Nabi. Majoriti mereka kurang pasti tentang hal ini 132/392 (33.7%).

### **Persoalan (3) Realiti Konfucianism dalam masa depan kehidupan masyarakat Cina**

Walau bagaimanapun sikap mereka yang begitu jelas dalam hal ini ialah menganggap ajaran Konfucius ini sebagai ajaran asal dari tradisi Cina. Mereka juga berpandangan bahawa ia patut diajar sama kepada masyarakat/komuniti lain, di samping keperluan sedemikian terhadap masyarakat Cina sendiri. Ini memberi makna bahawa masyarakat Cina memang mempunyai sikap positif dan eksklusif terhadap ajaran ini.

Sikap dan perspektif ini menunjukkan keperluan Konfucianism di beri perhatian serius untuk pembinaan kurikulum dan apa bentuk corak

pendidikan pun. Masyarakat Cina mengaku realiti kekurangan dan kelemahan tetapi menekankan keperluannya disedarkan kembali dalam kehidupan mereka. Dengan itu, nilai-nilai ‘gangsterism’ dan ‘freethinkerism’ tidak dikaitkan dengan mereka secara sewenang-wenangnya.

Jadual 4: Realiti Konfucianism pada masa hadapan

Aspek Konfucianism	Amat bersetuju	Bersetuju	Tidak pasti	Tidak bersetuju	Amat tidak bersetuju
(1) Konfucianism adalah benar-benar tradisi Cina asal	69 17.6%	157 40.1%	121 30.9%	29 7.4%	16 4.1%
(2) Kepentingan Konfucianism diajar kepada masyarakat lain	61 15.6%	161 41.1%	133 33.9%	25 6.4%	12 3.1%
(3) Kepentingan Konfucianism kepada Cina Malaysia	34 8.7%	146 37.2%	138 35.2%	57 14.5%	17 4.3%

Sumber: Kajian penulis (2005)

#### **Persoalan (4) Sikap dan komitmen masyarakat Cina terhadap nilai-nilai ajaran Konfucius**

Aspek ini diperiksa dalam maksud untuk melihat komitmen atau realiti penghayatan atau praktikaliti masyarakat Cina terhadap ajaran Konfucius.

Konfucius mengajar konsep REN (ajaran yang merujuk kepada konsep cinta sejagat yang menganjurkan 4 sikap; simpati dan membantu, malu, berbudi, salah dan benar yang menjadi empat sifat asas, juga aspek nilai-nilai kebersamaan (SHU/ultruism), nilai dedikasi (ZHONG/Dedication) serta berkeamanahan (XIN/trustworthiness) sebagai nilai-nilai dalam hubungan manusia. Komitmen sejumlah 392 para responden menunjukkan fenomena berikut pada Jadual 4 di sebelah.

Secara ringkasnya, boleh dilihat bahawa sikap ini mempunyai potensi yang besar untuk membina nilai-nilai yang baik untuk amalan masyarakat Malaysia. Masyarakat Cina mengaitkan nilai-nilai itu dengan ajaran asal

dari tamadun mereka, walaupun sesetengahnya menganggap hanya nilai budaya bukan agama. Malaysia seharusnya mengguna situasi sikap ini untuk pembentukan integrasi nasional. Ahli masyarakat tidak boleh sepenuhnya dipersalahkan jika nilai-nilai positif ini tidak mendapat tempat yang baik. Sesuatu yang penting ialah penjanaan atau percernaannya secara rapi.

Di samping itu, Konfucius menegaskan beberapa perkara penting untuk mencetuskan kebenaran (*YI/righteousness*), tingkah laku yang baik (*LI/propriety*) serta kebijaksanaan (*ZHI/wisdom*). Konfucius percaya bahawa sikap malu, bersederhana dan memperakui hakikat salah dan benar boleh menghasilkan tiap perkara di Jadual 5.

Jadual 5: Sikap dan Komitmen Terhadap Konfucius

Aspek	Amat percaya & komited	Percaya dan komited	Tidak pasti tidak komited	Tidak percaya/ percaya/ komited	Amat tidak
REN (Cinta sejagat)	53 13.5%	189 48.2%	130 33.2%	17 4.3%	3 0.8%
SHU (Kebersamaan)	48 12.2%	181 46.2%	140 35.7%	21 5.4%	2 0.5%
ZHONG (Dedikasi )	65 16.3%	198 50.5%	110 28.1%	17 4.3%	3 0.8%
XIN (Beramanahan)	72 18.4%	178 45.4%	127 32.4%	12 3.1%	3 0.8%

Sumber: Kajian penulis (2005)

Ringkasan dari pembentangan keputusan kajiselidik di atas dapat dilihat pada Jadual 6 di bawah.

Majoriti para responden iaitu 203/391 (51.8%) bagi aspek (1) bersikap atau berpendapat tidak pasti, tetapi mempunyai kepercayaan yang tinggi bagi perkara (2) dan (3). Ini menunjukkan mereka mempercayai akan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Konfucius berupaya membentuk nilai-nilai yang tinggi kepada manusia.

**Jadual 6: Kesan Sikap Menghasilkan Nilai dalam Konfucianism**

	Sikap	Hasilkan -	Nilai
1.	Malu	→	YI / kebenaran
2.	Sederhana	→	Tingkah laku baik
3.	Akui salah/benar	→	Kebijaksanaan

Sumber: Kajian penulis (2005)

**Persoalan (4) pandangan responden terhadap penghayatan secara umumnya oleh masyarakat moden Cina Malaysia terhadap beberapa nilai ajaran Konfucius.**

Aspek ini lebih merujuk kepada nilai-nilai hubungan dalam masyarakat kini dalam beberapa sektor atau aspek seperti hubungan seperti berikut:

- (1) Raja dan menteri (Benevolence/ Ren – Loyalty / Zhong),
- (2) Ayah dan anak (Kindness/ Ci – Filial piety / Xiao),
- (3) Saudara tua dan muda (Gentleness / Liang – Deference / Ti),
- (4) Suami dan isteri (Righteousness / Yi – Obedience / Ting) dan
- (5) Kawan sesama kawan (Trustworthiness).

Jadual 7 di atas menunjukkan masyarakat Cina sendiri mempunyai kepercayaan bahawa aspek-aspek nilai yang diajar oleh Konfucius itu umumnya dipercayai dan diberi iltizam yang tinggi oleh keseluruhan mereka. Tanggapan ini sedikit sebanyak memberi asas betapa ajaran-ajaran Konfucius masih mendapat tempat di kalangan masyarakat Cina. Ini perlu diperteguhkan dalam dialog tamadun bagi Malaysia.

### **Kesimpulan dan Signifikan**

Kenyataan-kenyataan dan fenomena di atas boleh memberi jawapan mudah kepada dua persoalan: Bagaimanakah masyarakat Cina melihat nilai-nilai Konfucianism dalam integrasi nasional Malaysia? Rujukan khususnya adalah dalam konteks nilai-nilai murni yang dirujuk kepada nilai-nilai Islam melalui dasar penerapan nilai-nilai Islam oleh Kerajaan Malaysia. Begitu juga persoalan tentang sejauh manakah sikap

Responden memberi sikap dan tanggapannya seperti berikut:

Jadual 7: Penghayatan Secara Umum Terhadap Beberapa Nilai Konfusius

Aspek	Amat percaya/ komited	Percaya/ komited	Tidak pasti komited	Tidak percaya/ percaya/ komited	Amat tidak
(1)	44 11.2%	188 48.0%	127 32.4%	25 6.4%	8 2.0%
(2)	84 21.4%	189 48.2%	96 24.5%	19 4.8%	4 1.0%
(3)	52 13.3%	185 47.2%	135 34.4%	16 4.1%	4 1.0%
(4)	57 14.5%	188 48.0%	121 30.9%	22 5.6%	4 1.0%
(5)	65 16.6%	185 47.2%	118 30.1%	20 5.1%	4 1.0%

Sumber: Kajian penulis (2005)

masyarakat Cina terhadap idea dialog tamadun yang menjadi intisari atau 'resolusi' seminar-seminar dalam konteks kehidupan bermasyarakat di Malaysia.

## Note

Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara Negara Cina Dan Malaysia, di Jabatan Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University (BFSU) China, 8 Jun 2005.

## Rujukan

Al-Quran.

An Wang Seng (1996). *Kepercayaan Orang Cina*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.



Cheng Gek Nai (1995). *Inter Civilisational Dialog: Relevance of Confucianism To Building An Etikal Malaysian Nation* (Kertas Seminar – International Seminar On Islam And Confucianism: A Civilisational Dialog. Kuala Lumpur 12-14 Mac 1995).

Collin A. Ronan (1978). *The Shorter Science & Civilisation in China*. Cambridge: University Press.

Fung Yu-Lan (1947). *The Spirit of Chinese Philosophy*. Translated by E.R. Hughes, London: Routledge and Kegan Paul Ltd.

Hu Chang Tu (1960). *China, Its People, Its Culture*. New Heaven: HRAF Press.

Lee Siow Mong. (1995). *Spectrum of Chinese Culture*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn. Bhd.

Wing Tsit Chan. (1963). *A Source in Chinese Philosophy*. Princeton University Press.

---

YAACOB YUSOFF, Yaacob. yusoff173@yahoo.com

MOHD KAMAL AZMAN JUSOH, Universiti Teknologi MARA Pahang. mkamalazman@pahang.uitm.edu.my

CHE ZAHARAH ABDULLAH, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. czaharah200@salam.uitm.edu.my